



TEKS UCAPAN

**Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman
*Menteri Hal Ehwal Ugama***

***Selaku Tetamu Kehormat
Di Majlis Konvokesyen dan Sambutan Hari Raya
Bersama Menteri***

***Anjuran
Nadi Quranic Learning Centre***

**Pada Hari Ahad, 12 Syawal 1440
Bersamaan 16 Jun 2019**

**Bertempat Di Dewan Sumbangsih Mulia (Hall 2),
Jln Industeri Beribi, Negara Brunei Darussalam**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أَمْوَالِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَئْمَاءِ
وَالْمُؤْسِلِينَ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ إِلَهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah. Hari ini kita bermajlis. Pertama Majlis Konvokesyen dan kedua Majlis Sambutan Hari Raya Aidulfitri Nadi Quranic.

Kedua-duanya kita meriahkan dengan bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala yang menyempatkan kita hadir di sini, saling bersapaan dan bersalaman tanda muhibah dan ikhlas.

Suasana muhibah ini tentu dihubungkan dengan hari raya. Wajar sekali sedemikian kerana pada hari rayalah semangat dan perasaan muhibah dengan ikhlas saling bermaafan itu menyelubungi kita.

Alhamdulillah. Kita terbiasa demikian. Kita dibentuk dan membentuk suasana dan cara hidup saling muhibah dan berperasaan ikhlas terhadap satu sama lain. Keranayalah Brunei tanah air kita ini kekal aman dan selamat – yang kita wajib pelihara dan pertahankan.

Maka kita bermajlis hari ini sesuai dan menepati cara hidup kita di Brunei yang berpedoman ajaran ugama kita, ugama Islam yang mendorongkan supaya hubungan sesama kita orang Islam bahkan hubungan sesama rakan-rakan semesyarakat dan senegara yang tidak seagama pun didorongkan supaya sentiasa dalam semangat, sentiasa dalam perasaan muhibah terhadap satu sama lain, bersikap ikhlas terhadap satu sama lain.

Dengan cara itu hubungan kita sesama kita khasnya sekeluarga dan seterusnya sama ada hubungan seagama mahu pun hubungan semesyarakat dan senegara yang berbeza pegangan ugama dan kepercayaan in syaa Allah akan berlangsung dengan selesa, saling berbaik-baik, saling menghargai dan saling menghormati.

Itulah hubungan muhibah namanya. Dan kita diserukan dan bahkan dituntut supaya mewujudkannya dan seterusnya mengetarakannya ke

dalam cara hibup kita. Dengan itulah suburnya perasaan kasih sayang sesama kita, sesama hamba Allah.

Dan dengan adanya kasih sayang terhadap satu sama lain, dalam keluarga, jiran tetangga, rakan taulan dan sahabat handai, lalu seterusnya sesama anggota mesyarakat luas dan rakan senegara – dengan kasih sayang secara umum atau secara khas yang diredhai Allah, nescaya kita sekalian akan dikasihi oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala. Iaitu sebagaimana menurut keterangan hadis Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam:

الرَّاجِحُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ، ارْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمُكُمْ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ، الرَّاجِحُ شُبْحَةٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ، فَمَنْ وَصَلَهَا وَصَلَهُ اللَّهُ وَمَنْ قَطَعَهَا قَطَعَهُ اللَّهُ. هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ.

Maksudnya: “Orang-orang yang mengasihi akan dikasihi oleh Ar-Rahman, berkasih sayanglah kepada siapapun yang ada di bumi, niscaya yang ada di langit akan mengasihi kalian. Lafazh Ar-Rahim (rahim atau kasih sayang) itu diambil dari lafazh Ar-Rahman, maka barangsiapa yang menyambung tali silaturrahmi niscaya Allah akan menyambungnya (dengan rahmat-Nya) dan barangsiapa yang memutus tali silaturrahmi maka Allah akan memutusnya (dari rahmat-Nya).” [Hadith riwayat Imam at-Tirmidzi, dinyatakan hasan sahih oleh at-Tirmidzi dan disahihkan oleh al-Albani]

Ya! Sedemikian itu kasih sayang Allah Subhanahu wa Ta'ala akan melimpah kepada kita sesama hambaNya dengan sebab kita saling berkasih sayang terhadap satu sama lain yang hasilnya ialah kita berperasaan muhibah sesama kita seagama dan bahkan dengan rakan semasyarakar dan senegara tanpa melihat pegangan ugama masing-masing.

Apa lagi kasih sayang yang lebih berharga dan lebih teguh ikatannya selain kasih sayang Allah yang sangat kita hajatkan dengan memohonkannya setiap raka'at sembahyang dengan membaca ayat surah al-Fatiyah di mana kita menyebut sifat Allah iaitu “*ar-Rahman, ar-Rahim*” yang merupakan ciri utama artikata *muhibah* itu.

Dan bahkan kasih sayang Allah itu sangat kita hajati dengan langsung memohonkan *belas kasih Allah*, dengan menyebut “*warhamni*” (*yakni: kasihanilah hamba-Mu ini*) iaitu termasuk dalam lapan perkara yang secara langsung kita sendiri pohonkan kepada Allah dalam sembahyang ketika duduk antara dua sujud:

رَبِّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَاجْبُرْنِي وَارْزُقْنِي وَاهْدِنِي وَاعْفْ عَنِّي

Maka semuanya itu menunjukkan bahawa semangat, perasaan dan sikap muhibah itu – yang inti patinya ialah kasih sayang sesama hamba Allah mesti sentiasa ada dan hendaklah sentiasa dipupuk untuk tumbuh subur dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan seterusnya dalam kehidupan bernegara.

Demikian itulah yang diajarkan oleh ugama kita, Islam yang menjadi pegangan Brunei dalam bernegara, bermasyarakat dan berkeluarga.

Dalam konteks inilah pula saya dan isteri sukacita menyampaikan rasa penghargaan dan terima kasih kepada pimpinan Nadi Quranic Learning Centre, yang memungkinkan kami bersama di majlis yang penuh suasana muhibah yang kita harapkan berkatnya ini.

Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala menerima kehadiran kita ini menjadi sebahagian amal saleh kita sebagai hamba-Nya yang sentiasa memohonkan kasih sayang-Nya, keredhaan-Nya, dan keampunan-Nya. Aamiin.

Majlis yang kita hadiri ini ialah juga *Majlis Konvokesyen*.

Alhamdulillah. Ada konvokesyen bermakna *Pusat Pengajian (Pembelajaran) Qur'an* yang lebih dikenal dengan *Nadi Quranic Learning Centre (NQLC)* telah menghasilkan sekumpulan pelajar yang mengikuti program pembelajarannya, di mana ia mengajarkan Al-Quran dengan apa yang disebutkan “*menggunakan kaedah mudah belajar*”.

Kita ucapkan tahniah. Dan saya dengan sangat kagum mengambil catatan bahawa *Nadi Quranic Learnig Centre* yang mula beroperasi pada 21 Jun 2016 dengan pelajar seramai hanya empat (4) orang dan tiga (3) orang guru di cawangannya di Beribi kini setelah tiga tahun beroperasi ia berkembang pesat dengan mempunyai sepuluh (10) cawangan di seluruh negeri, mempunyai tujuh puluh (70) orang guru yang bertauliah dari Majlis Ugama Islam Brunei dan dengan keramaian pelajar hampir mencécah dua ribu (2000) orang.

Lebih mengagumkan saya lagi ialah pelajar-pelajarnya itu terdiri dari kanak-kanak yang berusia 7 tahun sampai kepada orang dewasa yang berusia 70 tahun.

Dan pada majlis konvokesyen hari ini kita ucapkan selamat dan tahniah kepada seramai 155 pelajarnya yang berusia seawal 8 tahun membawa yang berumur 68 tahun. Mereka akan menerima sijil masing-masing setelah mengikuti program pengajian yang disediakan iaitu peringkat *Tamhid* selama enam bulan bagi kanak-kanak dan tiga bulan bagi orang dewasa. Selain itu ada program *pra-Talaqqi 5 surah pilihan selama setahun, dan Talaqqi 'Am selama dua tahun.* Semantara program *Hafazan* selama setahun bagi kanak-kanak dan orang dewasa.

Saya difahamkan bahawa pengajian al-Qur'an yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Al-Qur'an Nadi ini adalah mengukuhkan lagi sukanan mata pelajaran al-Qur'an di sekolah-sekolah ugama kita di negara ini dari sudut penguasaan bentuk dan bunyi *makhraj huruf hijaiyah*.

Maka dilihat kepada kepesatan dan sambutan yang diterimanya itu kita mendapati bahawa program pengajian al-Qur'an Nadi yang baru berjalan selama tiga tahun ini sangat menarik minat orang ramai.

Satu perkara yang wajar disebut dalam hubungan usaha pembelajaran al-Qur'an ini ialah munculnya badan-badan atau kumpulan anak-anak muda kita lepasan pusat-pusat pengajian tinggi ugama. Melalui badan atau kumpulan itu mereka menawarkan khidmat mengajarkan al-Qur'an di samping juga ilmu ugama.

Dalam hubungan ini kita dapat menyebut *Nadi Quranic Learning Centre* dengan visinya untuk membentuk generasi yang memuliakan dan cintakan al-Quran adalah antara contohnya di samping *Al-Huffaz Management* yang ditubuhkan dalam tahun 2016 juga seperti *Nadi*. Dan sebuah lagi ialah *Al-Mihaaj Centre* yang ditubuhkan pada tahun 2017.

Seperti *Nadi Quranic Learning Centre* kedua-dua buah badan lain itu adalah juga berdaftar di bawah Akta Nama-Nama Perniagaan. Kedua-duanya menyedia dan menawarkan program pengajian dan pembelajaran Al-Qur'an. Bahkan *Al-Huffaz Management* mengistiharkan bahawa ianya bertujuan untuk melahirkan generasi celik al-Quran.

Kesemuanya sudah setentunya telah dan akan menyumbang kepada kegiatan pembelajaran dan pengajaran al-Qur'an sekaligus juga menyebar luaskan usaha pengajaran dan pembelajaran ilmu-ilmu ugama. Bahkan bagi *Al-Mihaaj Centre* pula mengisyiharkan bahawa ia membawakan *misi* sebagai pendokong pihak Kerajaan dalam menyebarluaskan ilmu dan *tarbiyah*

kepada masyarakat berasaskan kepada ajaran Ahlussunnah wal Jama'ah dan mazhab asy-Syafi'e.

Dan kita sedia maklum bahawa mengenai pengajian dan pembelajaran al-Qur'an dan ilmu serta *tarbiyah* ugama kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan adalah bukan setakat menggalakkan bahkan telah mengusahakannya sejak diadakan pelajaran ugama secara sistem persekolahan ugama dan persekolahan umum dan penubuhan kelas-kelas ugama dewasa lebih enam puluh tahun yang lalu.

Artinya: sejak lebih enam puluh tahun itu kita di negara ini adalah sangat memberi perhatian dan mementingkan pembelajaran dan pengajaran al-Qur'an itu dalam rangka pelajaran ugama dalam sistem persekolahan.

Semenjak itu beberapa inisiatif kerajaan mengenainya adalah mendapat sambutan rakyat di seluruh daerah. Hasilnya ialah dalam bidang al-Qur'an setakat sekarang pun sekarang negara kita turut sama terbilang di kalangan negara-negara Islam seluruh dunia yang sudah maju dalam bidang pembacaan dan hafazan al-Qur'an.

Negara kita diundang ke pertandingan atau musabaqah tilawah dan hafazan di peringkat serantau dan dunia. Qari' – qari'ah dan hafiz – hafizah kita bertanding di negara-negara Arab Afrika Utara, negara-negara Arab Asia Barat, Turkey dan Iran, dan bahkan kita turut diundang untuk menghantar peserta ke musabaqah tilawah al-Qur'an anjuran pihak berkuasa hal ehwal Islam di Rusia.

Dalam bidang pembelajaran al-Qur'an ini kita juga telah meluaskannya kepada program-program tafsir dan *tadabur* al-Qur'an iaitu memahami makna dan tafsir ayat-ayatnya untuk mengambil pengajaran daripada al-Qur'an.

Dan sesungguhnya tujuan utama al-Qur'an wahyu Allah itu diturunkan ialah untuk umat manusia dan khasnya kita umat Islam pandai membaca ayat-ayatnya untuk mendapat pengajaran daripadanya. Firman Allah jelas sekali menyatakan maksud Allah Subhanahu wa Ta'ala menurunkan al-Qur'an itu:

كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَرَّكٌ لِيَدَبُرُواْءَ اِيَّتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ

Tafsirnya:

(Al-Quran ini ialah) sebuah kitab yang kami turunkan kepadamu (wahai Nabi Muhamam), yang mengandungi berkat supaya mereka memikirkan dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang mempunyai akal dapat mengambil pengajaran. [Surah Shad ayat 29]

Mengenai pengajian al-Qur'an di Nadi pula saya difahamkan bahawa ia dapat mengukuhkan sukanan mata pelajaran al-Qur'an sekolah-sekolah ugama kita di Brunei dari sudut penguasaan bentuk dan bunyi *makhraj huruf hijaiyah*.

Semantara dalam pengajian hafazan pula ia memberikan peluang untuk melatih kanak-kanak yang berminat menghafal al-Qur'an dengan mudah dan *siuk*. Teknik yang digunakan sangat membantu dari sudut *neurofisiologi* yang mana teknik ini dapat mengaktifkan otak kiri dan kanan kanak-kanak supaya dapat membantu menghasilkan anak-anak yang aktif dan *genius*.

Maka dengan menilai baik badan-badan atau kumpulan seperti *Nadi Quranic Learning Centre* ini saya sangat optimis untuk perkembangan dan kemajuan seterusnya negara kita dalam pembelajaran dan pengajian al-Qur'an disamping ilmu dan tarbiyah Islam. Kita ucapkan tahniah dan penghargaan kepada *Nadi Quranic Learning Centre*.

Kementerian Hal Ehwal Ugama menyambut baik inisiatif-inisiatif seperti anjuran *Nadi Quranic Learning Centre* ini dan seterusnya dari awda semua yang telah berkecimpung dan akan berkecimpung menyumbang khidmat keagamaan kepada mesyarakat dan negara. Tentu ianya khidmat murni dan amal saleh yang terpuji di sisi Allah dan makhluk-Nya.

Demikianlah.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالهُدَايَا
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

- **Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.**

Daraina - 8 Sg Besar,

10 Syawal 1440 / 14 Jun 2019.